

MAHATHIR - NEGERI 1983

KUCHING, 31 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK MENGAMALKAN SIKAP PILIH KASIH DEMI MENJAGA KEPENTINGAN DAN KEBAJIKAN SESEBUAH NEGERI DALAM MALAYSIA TERMASUK DALAM PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN KEWANGAN UNTUK PEMBANGUNAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PEMBANGUNAN SEGALA PERUNTUKAN KEWANGAN DIBAHAGIKAN DENGAN ADIL MENGIKUT KEUTAMAAN DAN KEPERLUAN SESUATU NEGERI.

+DALAM MALAYSIA TIDAK ADA NEGERI YANG MENJADI TUAN ATAU SEUMPAMANYA, TIDAK ADA PILIH KASIH ATAU PILIH MATA DALAM MENJAGA KEPENTINGAN SESUATU NEGERI KERANA DARI SEGI PENTADBIRAN SEMUA NEGERI ADALAH SAMA,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, DALAM ERA KEMELESETAN EKONOMI INI CUMA SABAH, SARAWAK DAN TERENGGANU SAHAJA YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH DARIPADA BELANJA PENGURUSAN NEGERI.

+INI ADALAH PERKARA KEBETULAN SAHAJA DAN NEGERI-NEGERI LAIN TIDAK IRI HATI TENTANG PERKARA ITU,+ TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP DI PERAYAAN ULANGTAHUN KE-20 SARAWAK MERDEKA DALAM MALAYSIA DI PADANG CENTRAL DI SINI HARI INI. -- LAGI 1835/MB

MAHATHIR - NEGERI 2 KUCHING

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BAHAWA PERHUBUNGAN YANG WUJUD ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI PERLU DIPUPUK DAN DIPELIHARA SETIAP MASA BAGI MENJAMIN PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN MASYARAKAT.

+PERASAAN KEDAERAHAN DAN SENTIMEN PERKAUMAN DAN KESUKUAN YANG BOLEH MENJEJASKAN PERHUBUNGAN YANG TELAH TERJALIN ERAT ANTARA NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA HENDAKLAH DIJAUHKAN,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI SARAWAK, BELIAU BERKATA KERANA KEDUDUKANNYA YANG TERPISAH JAUH DARI SEMENANJUNG MALAYSIA TIDAK BERMAKNA HAK DAN KEBAJIKAN RAKYATNYA TIDAK DIBERI PERHATIAN SERIUS OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN.

UNTUK TUJUAN INI, SATU LANGKAH MEMPERCEPAT BERTA MEMPERTINGKAT LAGI PROSES INTEGRASI YANG MELIPUTI SEMUA BIDANG KHUSUSNYA BIDANG SOSIAL DAN PERHUBUNGAN, TELAH DAN SEDANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN DI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

+RAKYAT MALAYSIA YANG TERPISAH OLEH LAUTAN YANG LUAS SEHARUSNYA JANGANLAH LAGI CUBA MEMISAH DAN MENGASINGKAN DIRI MEREKA DARIPADA ARUS PERPADUAN NASIONAL. -- LAGI 1840/MB

ZCZC B598
MAHATHIR - NEGERI 3 KUCHING

+SEMUA PIHAK HENDAKLAH BERHUBUNG MESRA SETIAP MASA DAN KETIKA, BERDAMPING RAPAT SEBAGAI SAUDARA DAN BUKAN LAGI SEMATA-MATA SEBAGAI KAWAN DAN JIRAN,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, INILAH HASRAT DAN HARAPAN YANG HARUS DITANAMKAN DI HATI SEMUA RAKYAT MALAYSIA SUPAYA PERHUBUNGAN YANG DIPUPUK ITU TERJALIN ERAT MENEMBUSI TEMBUK PERBEZAAN AGAMA DAN KEBUDAYAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN KESAL KERANA MASIH ADA PIHAK YANG CUBA MENGHASUT DAN MEMPORAK-PERANDAKAN KEBEJAHTERAAN RAKYAT BERBILANG KAUM DENGAN DAKYAH DAN FITNAH MEREKA.

MEREKA, TAMBAHNYA, SENTIASA Mencari KELEMAHAN-KELEMAHAN KERAJAAN UNTUK DIPERBESAR-BESAR DAN DIGEMBAR-GEMBURKAN KERANA MEREKA BERFIKIR DENGAN CARA ITU MEREKA AKAN CEPAT POPULAR DAN DISANJUNG SEBAGAI JUARA YANG MEMPERJUANGKAN HAK ASASI RAKYAT YANG KONONNYA TERTINDAS.

MEREKA YANG KECEWA KERANA KEHENDAK MEREKA TIDAK TERCAPAI SANGGUP PULA MENJADI ALAT KEPADA NEGARA ASING, TAMBAH BELIAU LAGI.

BELIAU MEMINTA RAKYAT MENILAI SENDIRI TENTANG KEJAYAAN NEGARA INI SEJAK MERDEKA BERDASARKAN KEPADA HAKIKAT DAN KENYATAAN PEMBANGUNAN TANPA TERPENGARUH DENGAN DAKYAT KOTOR ITU.

-- LAGI 1845/MB

ZCZC B599
MAHATHIR - NEGERI 4 KUCHING

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA KEMERDEKAAN TIDAK AKAN KEKAL SEKIRANYA PERPADUAN DAN KEHARMONIAN KAUM DALAM MALAYSIA TIDAK DIPUPUK DAN DIJAGA DENGAN BAIK.

SEPERTI JUGA KEMERDEKAAN, PERPADUAN TIDAK BOLEH DICAPAI DALAM MASA YANG PENDEK KERANA IA MEMERLUKAN USAHA DAN KESUNGGUHAN DARI SETIAP PIHAK.

BELIAU BERHARAP PENJELASAN INI DAPAT MEMBASKIKAN SEBARANG PERASAAN PREJUDIS DAN BURUK SANGKA TERHADAP KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN DAPAT JUGA MENIMBULKAN KESEDARAN UNTUK TERUS HIDUP SEJAHTERA DAN BERHARMONI BERSAMA-SAMA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA RAKYAT SUPAYA TIDAK MELUPAKAN JASA DAN SUMBANGAN BESAR PARA PEMIMPIN SEPERTI BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA ALHAJ, ALLAHYARHAM DATUK BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, MENDIANG APAI TUN TEMENGGONG JUGAH DAN TOKOH-TOKOH LAIN YANG TELAH MENGASASKAN PEMBENTUKAN MALAYSIA.

+KERANA JASA DAN PENGORBANAN MEREKALAH RAKYAT MALAYSIA DAPAT HIDUP SEBAGAI BANGSA YANG BERDAULAT DAN MERDEKA SEPERTI HARI INI,+ KATANYA. -- LAGI 1850/MB

BELIAU GEMBIRA KERANA SEGALA KECURIGAAN DAN BANGKANGAN YANG DITIMBULKAN OLEH SEBAHAGIAN RAKYAT SARAWAK.

SEMASA PEMBENTUKAN MALAYSIA DAHULU TELAH DAPAT DIHAPUSKAN.

KECURIGAAN ITU TIMBUL ATAS ALASAN SARAWAK AKAN DIJAJAH OLEH MALAYA MELALUI MALAYSIA DAN PENDUDUK-PENDUDUK BUKAN MELAYU AKAN KEHILANGAN IDENTITI DAN KEBUDAYAAN MEREKA.

TETAPI HARI INI TERBUKTI SEGALA KECURIGAAN DAN ANGGAPAN TERSEBUT TERNYATA TIDAK BERASAS, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGAJAK SEMUA RAKYAT MEMANDANG KEPADA MASA DEPAN YANG PENUH KESEJAHTERAAN, KEMAKMURAN, KEMAJUAN DAN KEHARMONIAN DI NEGARA INI SERTA MENUMPUKAN PERHATIAN DAN TENAGA UNTUK MENJAMIN PENCAPAIANNYA. -- BERNAMA 1855/MB